KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## KHAMIS, 29 JUN 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:
*World Communications*

29/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **PESAKIT KETUMBUHAN OTAK AGRESIF, ADIK LUTH MENINGGAL DUNIA** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pesakit-ketumbuhan-otak-agresif-adik-luth-meninggal-dunia-425920 | ASTROAWANI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/28/lensa-mg-jenazah-adik-luth-selamat-dikebumikan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/982316/luth-pulang-ke-rahmatullah | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-derita-ketumbuhan-otak-agresif-meninggal-dunia/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **AHAMAD IQBAL, YAYASAN IKHLAS BANTU ADIK HAFIZ DERITA SAKIT SARAF** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/ahmad-iqbal-yayasan-ikhlas-bantu-adik-hafiz-derita-sakit-saraf/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/28/penderitaan-hafiz-sakit-saraf-dapat-perhatian/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/28/ahmad-iqbal-sertai-yayasan-ikhlas-bantu-adik-hafiz/ | HARAKAHDAILY.NET |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **JANTUNG CACAT: BAYI DUA BULAN PERLU DANA RM80,000** | |
| | https://www.utusan.com.my/terkini/2023/06/jantung-cacat-bayi-dua-bulan-perlu-dana-rm80000/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/28/bayi-dua-bulan-perlukan-rm80000-bagi-pembedahan-jantung/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

29/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **BAPA, BAYI MAUT DALAM NAHAS KERETA DENGAN LORI TANGKI** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265689/berita/semasa/bapa-bayi-maut-dalam-nahas-kereta-dengan-lori-tangki | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/28/dua-beranak-maut-myvi-bertembung-treler/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **WANITA WARGA EMAS HILANG DITEMUI MEMBENGKAK DI SUNGAI SEGAMAT** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/28/wanita-warga-emas-hilang-ditemui-membengkak-di-sungai-segamat/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/982259/wanita-warga-emas-tak-pulang-rumah-ditemukan-mati-lemas | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **MAHKAMAH: WANITA HAMIL, ADIK ANGKAT DIDAKWA CURI DUIT TABUNG SURAU** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/28/mahkamah-wanita-hamil-adik-angkat-didakwa-curi-duit-tabung-surau/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=4ndYvb-e13M | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **PERNAH DIPANGGIL ALIEN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/982174/pernah-dipanggil-alien | HMETRO.COM.MY |

29/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **SEDIA BERKORBAN DIDIK 25 ANAK ORANG ASLI TANPA DIBAYAR GAJI** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/06/1119874/sedia-berkorban-didik-25-anak-orang-asli-tanpa-dibayar-gaji | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **60 SAAT PENUH TROLI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/06/982178/60-saat-penuh-troli | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **‘SAYA REDA, TERIMA KEKURANGAN DIRI NOAH’** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/982185/saya-reda-terima-kekurangan-diri-noah | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **TABAH DUGAAN RUMAH DIBINA 34 TAHUN LALU TERBAKAR** | |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/27/tabah-dugaan-rumah-dibina-34-tahun-lalu-terbakar/ | HARAKAHDAILI.NET |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **MTPN SKIN DESSERT BUKA RUANG WANITA JANA PENDAPATAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/mtpn-skin-dessert-buka-ruang-wanita-jana-pendapatan/ | UTUSAN.COM.MY |

29/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **SUAMI ISTERI DITAHAN BERSAMA DADAH LEBIH RM50,000** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/982250/suami-isteri-ditahan-bersama-dadah-lebih-rm500000 | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **EMOSI SUDAH STABIL, FOKUS BESARKAN ANAK – ISTERI MOHAMMAD HAWARI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/982235/emosi-sudah-stabil-fokus-besarkan-anak-isteri-mohammad-hawari | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **150 NELAYAN, PETANI TERIMA BANTUAN AIDILADHA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265714/edisi/utara/150-nelayan-petani-terima-bantuan-aidiladha | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **WAKAF KESIHATAN BANTU ATASI ISU KENAIKAN KOS PERUBATAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2023/06/1119896/wakaf-kesihatan-bantu-atasi-isu-kenaikan-kos-perubatan | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **‘SAYA TUNGGU SUAMI BALAS MESEJ, TAPI DAPAT PANGGILAN MENYEDIHKAN’** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1119965/saya-tunggu-suami-balas-mesej-tapi-dapat-panggilan-menyedihkan | BHARIAN.COM.MY |

29/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **[VIDEO] KPKT & AGENSI TURUN PADANG BANTU PENDUDUK** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kpkt-agensi-turun-padang-bantu-penduduk/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **NASIB SUSPEK KES AMUK DI SARIKEI TUNGGU LAPORAN AKHLAK JKM OGOS INI** | |
| | https://tvstv.my/2023/06/28/nasib-suspek-kes-amuk-di-sarikei-tunggu-laporan-akhlak-jkm-ogos-ini/ | TVSTV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **SARVYSSWHARRANN TERIMA ANUGERAH DUTA PENERBANGAN TERBANYAK KANAK-KANAK MBOR** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sarvysswharrann-terima-anugerah-duta-penerbangan-terbanyak-kanakkanak-mbor-425779 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **WANITA ORANG ASLI HAMIL DITERBANGKAN KE HOSPITAL** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265733/berita/semasa/wanita-orang-asli-hamil-diterbangkan-ke-hospital | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **CEDERA, UGUT JIRAN, WANITA DIPENJARA 10 BULAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/982462/cedera-ugut-jiran-wanita-dipenjara-10-bulan | HMETRO.COM.MY |

29/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **BAPA DIPENJARA, DENDA KERANA CEDERAKAN ANAK LELAKI DENGAN ROTAN** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bapa-dipenjara-denda-kerana-cederakan-anak-lelaki-dengan-rotan-425888 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **INSIDEN JENTIK KEMALUAN: POLIS PANGGIL 8 PELAJAR BANTU SIASATAN KES BULI** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/insiden-jentik-kemaluan-polis-panggil-8-pelajar-bantu-siasatan-kes-buli-425902 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **SABAH NRD HELPS OKU OBTAIN REPLACEMENT MYKADS FROM HOME** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/06/28/sabah-nrd-helps-oku-obtain-replacement-mykads-from-home | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **CABUL 3 WANITA DI HARI YANG SAMA, LELAKI OKU RUPANYA BARU KELUAR HOSPITAL 'MESRA'** | |
| | https://www.malaysiadateline.com/lelaki-oku-ditahan-cabul-kehormatan-3-wanita-di-hari-yang-sama/ | MALAYSIADATELINE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 27 | **CARA PERAK BANTU OKU** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/982444/cara-perak-bantu-oku | BHARIAN.COM.MY |

29/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 28 | **RENGGO ARROW SYUKUR DIKURNIAKAN ANAK LAGI PADA USIA 54 TAHUN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/rap/2023/06/982373/renggo-arrow-syukur-dikurniakan-anak-lagi-pada-usia-54-tahun | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 29 | **PENIAGA MAKANAN WARGA EMAS LESAP RM231,792 DIPERDAYA 'TUKANG TILIK'** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/peniaga-makanan-warga-emas-lesap-rm231792-diperdaya-tukang-tilik-425891 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 30 | **PENGANGGUR DIDAKWA BUNUH IBU KANDUNG** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penganggur-didakwa-bunuh-ibu-kandung-425851 | ASTROAWANI.COM |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'JAGA PESAKIT HINGGA BAIK JADI KEPUASAN DIRI' | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 29 JUN 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Jaga pesakit hingga baik jadi kepuasan diri'

**Kuala Lumpur:** Ingin mengubah nasib dan mengurangkan bebanan keluarga membuatkan wanita muda ini tidak kisah menceburi kerjaya kejururawatan meskipun bukan bidang diidamkan.

Bagi Ainaa Bariah Syahirah Mohd Halim, 22, menyahut cabaran menjadi jururawat di Jabatan Pesakit Dalam, Pusat Perubatan Prince Court, asal sahaja dapat memperbaiki hidup mereka.

Katanya, selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 2018, beliau memohon bidang kejururawatan di International Medical College (IMC) Melaka dan diterima melanjutkan pelajaran di situ.

"Terus terang memang tujuan saya pilih bidang jururawat ini untuk bantu keluarga sebab keluarga saya dalam masalah ketika itu menghadapi masalah ekonomi dan kewangan," katanya.

Justeru, katanya yang juga anak tunggal perlu juga mengambil tanggungjawab, lantas selepas tamat pengajian, Ainaa terus memohon bekerja sebagai jururawat di hospital itu.

Beliau yang sudah 11 bulan bertugas di hospital itu berkata, cabaran paling besar adalah menanamkan minat terhadap kerjaya ini.

"Latar belakang pendidikan saya dalam bidang Sains Tulen. Tapi saya perlu bangunkan minat dalam bidang ini yang awalnya dilihat sebagai cabaran dan perlu dipupuk. Jadi, saya tidak perlu fikir panjang lagi untuk mendapatkan peluang ini terutama, apabila perlu membantu kehidupan saya dan keluarga.

Ainaa berkata, antara tugasannya adalah memberi perkhidmatan dan menjaga pesakit bagi memastikan mereka selesa dan dapat mengurangkan kebimbangan terhadap penyakit dideritai.

"Apabila kita tolong dan jaga pesakit dengan baik, itu menjadi kepuasan dalam diri. Situasi itu juga turut membangunkan minat mencintai kerjaya ini," katanya.

Antara pengalaman paling diingati, ketika membantu seorang pesakit luar negara yang yang datang ke sini untuk melancong.

"Disebabkan tidak mengenali sesiapa, pesakit itu jadi risau dan cemas. Saya tenangkan dia, selepas itu keadaannya menjadi semakin baik.

"Melihat keadaannya seperti itu membuatkan saya gembira dan minat dalam bidang ini semakin bertambah," katanya.

Ainaa menasihatkan orang ramai khususnya golongan muda yang berminat dalam bidang kejururawatan supaya tidak berpaling lagi.

"Bila dah ada minat, itu pun cukup baik sebab peluang kerjaya dalam bidang ini sangat luas dan diperlukan di seluruh dunia," katanya.



*Ainaa (tengah) bersama kakitangan hospital yang sering memberi semangat dan motivasi mencintai kerjaya kejururawatan.*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAPA, BAYI MAUT KERETA REMPUH TRELER | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 29 JUN 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Anggota bomba mengeluarkan mangsa nahas di Kilometer 145 Jalan Kuantan-Johor Bahru, awal pagi semalam.* (Foto ihsan bomba)

# Bapa, bayi maut kereta rempuh treler

## Kenderaan dipercayai gagal memotong

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

**Kuantan:** Dua beranak maut selepas kereta yang mereka naiki terbabit dalam kemalangan dengan sebuah treler di Kilometer 145 Jalan Kuantan-Johor Bahru, Rompin, awal pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Rompin, Deputi Superintendan Mohd Azahari Mukhtar, berkata dalam kejadian jam 1.15 pagi itu, mangsa yang maut adalah pemandu kereta, Azirul Azeem Mazri, 30, dan anaknya, Muhammad Adhwa yang berusia 10 bulan.

"Siasatan awal mendapati, kereta dipandu Azirul Azeem bersama isteri dan anak lelakinya dalam perjalanan dari arah Johor Bahru ke Kuantan dipercayai memotong kenderaan lain dan memasuki lorong bertentangan, sebelum bertembung dengan treler yang datang dari arah bertentangan.

"Akibat kemalangan itu, Azirul Azeem disahkan meninggal dunia di tempat kejadian, manakala anaknya meninggal dunia ketika menerima rawatan di Hospital Rompin.

"Isteri mangsa, Farah Nasuha Johari, 30, tidak cedera, manakala pemandu treler berusia 30 tahun cedera ringan," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, kes kemalangan disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Pahang, Zulfadli Zakaria, berkata lapan pegawai dan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Rompin ke tempat kejadian untuk bantuan menyelamat.

"Pasukan bomba mengeluarkan mangsa yang tersepit, manakala mangsa yang cedera dihantar ke Hospital Rompin," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TERTUDUH DIARAH JALANI RAWATAN PSIKIATRIK SEBULAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 29 JUN 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Kes bunuh ibu

# Tertuduh diarah jalani rawatan psikiatrik sebulan

## Pendakwaan mohon tarikh dapatkan laporan kimia, bedah siasat

Oleh Alias Abd Rani
bhnews@bh.com.my

**Muar:** Mahkamah Majistret memerintah tertuduh kes membunuh ibu menggunakan kapak, Lim Seng Chai, 47, menjalani rawatan psikiatrik selama sebulan di Hospital Permai, Johor Bahru.

Mahkamah memberi kebenaran terhadap tertuduh menjalani rawatan itu selepas pihak pendakwa memohon mengikut Seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah.

Seng Chai sebelum itu mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibaca di hadapan Majistret Analia Kamaruddin.

Susulan pengakuan tidak bersalah, pihak pendakwaan kemudian memohon satu tarikh bagi membolehkan pihaknya mendapat laporan kimia dan bedah siasat.

Mengikut kertas pertuduhan, dia didakwa membunuh ibunya, Tan Choo Gek, 73, menggunakan kapak di alamat No 28, Taman Temiang Utama antara jam 7 hingga 8.20 malam, 18 Jun lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh yang dikenakan hukuman mati.

### Miliki rekod psikiatrik

Ibu tertuduh ditemui mati dengan berlumuran darah disyaki ditetak oleh anak lelakinya menggunakan kapak di ruang tamu rumahnya.

Kejadian berlaku disebabkan mangsa memarahi anaknya kerana membuat bising, sebelum bertindak mengambil senjata tajam itu lalu menetak berkali-kali di kepala ibunya.

Siasatan polis juga mendapati tertuduh memiliki rekod lampau rawatan psikiatrik, ditahan pada hari kejadian bagi membantu siasatan.

Polis turut menemui senjata iaitu kapak dan pisau yang disyaki digunakan tertuduh dalam kejadian itu.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Nabihah Mohd Noor manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



*Seng Chai dibawa ke Mahkamah Majistret Muar atas pertuduhan bunuh ibu.*
(Foto BERNAMA)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'EMOSI SAYA SUDAH STABIL' | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 29 JUN 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

**ISTERI HAWARI FOKUS BESARKAN ANAK**

# 'Emosi saya sudah stabil'

Oleh Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

**Tasek Gelugor**

"Emosi saya sudah stabil," kata Saffiyah Tang Xie Lie, 34, isteri Muhammad Hawari Hashim, peserta Malaysia Everest (ME) 2023 yang hilang selepas berjaya menawan puncak tertinggi dunia itu 19 Mei lalu.

Menurut Saffiyah, yang juga orang kurang upaya (OKU) pendengaran, dia kini mahu fokus untuk membesarkan anak-anaknya di samping mahu memberikan pendidikan terbaik untuk mereka.

"Saya akan pertimbangkan untuk menerima tawaran kerja dari rumah oleh JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) kerana itu lebih memudahkan saya di samping boleh menjaga anak bongsu (Haris Suffian,2) serta uruskan rumah bersama mentua.

"Apa-apa ketentuan (mengenai Hawari) saya reda dan masa sama masih berharap jasadnya dapat ditemui dalam apa jua keadaan sekali pun," katanya dengan dibantu jurubahasa isyarat.

Terdahulu Saffiyah dan mentuanya, Che Tom Hassan, 64, menerima kunjungan Pengarah JKM Pulau Pinang, Zakaria Taib di rumahnya di sini, semalam.

Sementara itu, Che Tom berkata dia dan menantunya lega apabila hasrat Muhammad Hawari Hashim yang mahu anak sulungnya mendapatkan pendidikan awal ditunaikan JKM Pulau Pinang.

Katanya, sebelum menyertai ekspedisi mendaki Everest, Muhammad Hawari ada menyuarakan untuk mendaftar Hana Sakeena, 4, di Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).

"Hawari pernah kata apabila pulang dari Nepal (Everest), dia akan bawa Hana untuk daftar di PDK, malah sebelum ini Hawari pernah meninjau serta memeriksa beberapa pusat dan PDK yang sesuai untuk anaknya.

"Tetapi apabila insiden menimpa Hawari, menantu saya buntu bagaimana untuk menyekolahkan anaknya dan mujur JKM membantu mempercepatkan proses," katanya.

Sementara itu, Zakaria berkata, pihaknya mengambil maklum permasalahan yang menimpa berhubung keluarga Muhammad Hawari.

"Sejak awal lagi kita sebenarnya sudah berkunjung ke rumah keluarga ini termasuk mengatur sesi kaunseling yang hasil temubual serta perbincangan kita bersetuju membantu terutamanya dari sudut pendidikan serta keperluan anak-anak dan isterinya.

"Dalam pada itu, kita turut menawarkan kepada isteri Hawari bekerja di rumah yang dia akan mendapat Elaun Pekerja OKU (EPOKU) sebanyak RM450 sebulan tidak termasuk upah kerja.

"Untuk anak bongsu Hawari pula, JKM akan segera memproses pendaftaran bagi membolehkan kanak-kanak berkenaan mendapatkan kad OKU serta mendapatkan bantuan alat pendengaran selepas pemeriksaan dan pengesahan doktor," katanya.

> "Saya reda dan masa sama masih berharap jasadnya dapat ditemui" — Saffiyah



SAFFIYAH bersama anak-anaknya, Hana Sakeena, 4, (kiri) dan Haris Sufian, 2.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ALLAH LEBIH SAYANG LUTH | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 29 JUN 2023 | M/SURAT : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

# Allah lebih sayang Luth

## *Budak hidap ketumbuhan otak agresif tahap 4 meninggal dunia di hospital*

**Subang Jaya**

Seorang kanak-kanak lelaki yang juga pesakit ketumbuhan otak agresif tahap empat Glioblastoma Multiforme (GBM) meninggal dunia di sebuah hospital swasta di sini, semalam.

Mas Muhammad Luth Muhammad Aliff, 5, yang menderita penyakit berkenaan sejak Januari lalu menghembuskan nafas terakhir jam 12.14 tengah hari.

Berita pemergiannya dikongsikan keluarga kanak-kanak berkenaan di Instagram (IG).

BUDAK KETUMBUHAN OTAK AGRESIF TAHAP EMPAT DILAPOR KRITIKAL

**Mohon doa untuk Luth**



LAPORAN Harian Metro, 27 Jun lalu.

"Dengan nama Allah yang Maha Mengasihani lagi Maha Penyayang, dukacita kami ingin maklumkan bahawa Mas Muhammad Luth Muhammad Aliff sudah kembali ke rahmatullah jam 12.14 tengah hari.

"Kami sekeluarga menerima takdir ini dengan reda dan mohon semua mendoakan roh Allahyarham Luth ditempatkan dalam kalangan orang beriman serta dikasihi Allah SWT. Mommy (ibu) akan sentiasa bersama Luth sayang," kata hantaran gambar kapsyen dalam di IG.

> **"Mommy (ibu) akan sentiasa bersama Luth sayang"**
> Ibu

Harian Metro sebelum ini melaporkan kisah Mas Muhammad Luth yang mesra disapa Luth memerlukan bantuan dana perubatan segera di luar negara untuk merawat penyakitnya.

Sebelum ini, anak sulung daripada tiga beradik berkenaan melepasi saat kritikalnya selepas ditidurkan selama 96 jam namun ketika itu kanak-kanak berkenaan masih dalam keadaan separuh sedar.

Bagaimanapun, Luth kemudiannya dilaporkan kembali kritikal Ahad lalu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MESEJ TAK BERJAWAB | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 29 JUN 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |





KEADAAN motosikal mangsa selepas kemalangan. Gambar kecil, Nuri Hasni.

NORANA menunjukkan fotonya bersama Nuri Hasni.

# Mesej tak berjawab

## *Wanita tak sedap hati sebelum terima berita suami maut nahas*

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

**Batu Pahat**

"Saya pelik dan tak sedap hati selepas suami tak jawab mesej namun semuanya terjawab selepas menerima panggilan memberitahu dia kemalangan," kata Norana Paiman, 41, isteri Allahyarham Nuri Hasni Mohd Samuri, 42, selepas motosikal kuasa tinggi bertembung treler di Jalan Kluang-Ayer Hitam berhadapan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Lalang di sini, kelmarin.

Kemalangan jam 1.15 tengah hari itu menyebabkan Nuri Hasni yang menunggang motosikal Yamaha XJ6 maut di lokasi akibat kecederaan dalaman.

Lebih menyedihkan apabila kemalangan itu berlaku hanya tidak sampai dua kilometer dari rumah bapanya di Kampung Melayu Manong, Batu 9, dekat Ayer Hitam.

Menurut Norana, dia menghantar mesej kepada suaminya melalui aplikasi WhatsApp yang ketika mahu ke rumah mentuanya di kampung itu untuk mengambil kereta.

Katanya, kali terakhir dia menghantar mesej itu pada jam 12 tengah hari dan biasanya arwah akan membalas memaklumkan dia sudah tiba di rumah bapanya.

"Dalam hati saya tertanya-tanya kenapa suami berdiam diri tidak seperti kebiasaannya namun akhirnya saya terima panggilan itu (suami kemalangan). Seorang guru mendapat nombor telefon saya selepas melihat mesej WhatsApp terpapar pada skrin telefon arwah suami.

"Saya bergegas ke lokasi kemalangan dan melihat jasad suami sudah ditutup dengan kain," katanya ketika ditemui di rumah mentuanya, semalam.

> "Saya bergegas ke lokasi kemalangan dan melihat jasad suami sudah ditutup dengan kain
> Norana

Pasangan itu mempunyai seorang anak tunggal, Muhammad Haziq Hadi, 15, sebelum ini menetap di Machap, Kluang.

Arwah suami Norana bekerja di pelantar minyak, Kemaman dikatakan sedang bercuti sempena Aidiladha dan dijangka pulang ke Terengganu pada Ahad ini.

"Sepatutnya dia pulang ke Terengganu minggu ini namun memandang Aidiladha, dia menyambung cuti," katanya.

Sementara itu, Pemangku Ketua Polis Daerah Batu Pahat Superintendan Shahrulanuar Mushaddat Abdullah Sani berkata, kemalangan dipercayai berlaku apabila motosikal ditunggang mangsa hilang kawalan lalu bertembung treler dari arah Kluang ke Batu Pahat.

Katanya, kemalangan itu menyebabkan penunggang motosikal disahkan meninggal di tempat kejadian manakala pemandu treler berusia 37 tahun tidak cedera.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan meminta kerjasama orang ramai mempunyai maklumat mengenai kejadian ini, agar tampil ke mana-mana balai polis berhampiran atau melalui *Hotline* Polis Kontinjen Johor di talian 07-2212999 atau IPD Batu Pahat, 07-4343999," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENGANGGUR MENGAKU CEDERAKAN ANAK DIJEL SEHARI | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 29 JUN 2023 | M/SURAT | : | 21 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Penganggur mengaku cederakan anak dijel sehari

**Muar:** Seorang penganggur dipenjara sehari dan denda RM1,400 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan mendatangkan kecederaan terhadap anak lelakinya berusia lapan tahun, Ogos lalu.

Tertuduh yang berusia 36 tahun itu membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan dibaca di hadapan Majistret Analia Kamaruddin.

Menurut fakta kes, laporan polis dibuat oleh seorang pegawai perubatan Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF) Muar selepas mangsa memberitahu tertuduh memukulnya menggunakan rotan di sebuah rumah di Taman Beting di sini, pada jam 2.34 petang, 8 Ogos tahun lalu.



TERTUDUH dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Muar selepas mengaku salah mendatangkan kecederaan terhadap anaknya. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

Susulan itu tertuduh ditahan pada keesokan hari dan didakwa didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 326A kanun sama kerana menyebabkan kecederaan terhadap mangsa.

Bagi Seksyen 323, tertuduh boleh dipenjara sehingga setahun atau denda manakala Seksyen 326A, tempoh penjara dua kali ganda tempoh maksimum yang mana boleh dikenakan atas sabitan bagi kesalahan mengikut seksyen relevan.

**Mangsa beritahu pegawai perubatan HPSF tertuduh pukul guna rotan**

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Nabihah Mohd Noor manakala tertuduh diwakili Tay Che Fu.

Terdahulu, Tay memohon mahkamah menjatuhkan hukuman paling ringan kerana perlu menjaga lima anak serta ibunya lumpuh. Namun Nabihah meminta mahkamah mengenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENIAGA, ANAK 10 BULAN MAUT BERTEMBUNG TRELER | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 29 JUN 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Peniaga, anak 10 bulan maut bertembung treler

**Kuantan:** Seorang peniaga dan anak lelakinya berusia 10 bulan maut selepas kereta dinaiki mereka bertembung dengan sebuah treler di KM145 Jalan Kuantan-Johor Bahru, awal pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Rompin Deputi Superintendan Mohd Azahari Mukhtar berkata, kemalangan kira-kira 1.15 pagi itu menyebabkan Azirul Azeem Mazri, 30, yang memandu kereta jenis Perodua Myvi meninggal dunia di lokasi kejadian manakala anaknya, Muhammad Adhwa meninggal dunia di Hospital Rompin.

Beliau berkata, kedua-dua mangsa cedera parah di kepala manakala seorang lagi penumpang kereta, Farah Nasuha Johari, 30, yang merupakan isteri Azirul Azeem tidak mengalami sebarang kecederaan.

"Siasatan awal mendapati Azirul Azeem dari arah Johor Bahru ke Kuantan telah memotong kenderaan lain dan masuk ke lorong bertentangan sebelum bertembung dengan sebuah treler dari arah Kuantan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurut Mohd Azahari, pemandu treler berusia 30 tahun itu hanya mengalami cedera ringan dan kemalangan berkenaan sedang disiasat lanjut mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Pahang memaklumkan lapan anggota dan pegawai daripada Balai Bomba dan Penyelamat Rompin digegaskan lokasi kejadian untuk membantu mengeluarkan mangsa yang tersepit sebelum diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.



ANGGOTA bomba berusaha mengeluarkan mangsa selepas terbabit kemalangan dengan sebuah treler dalam kejadian, awal pagi semalam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PERLU JALANI RAWATAN JIWA SELAMA SEBULAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 29 JUN 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |




TERTUDUH diperintahkan untuk menjalani rawatan psikiatri di Hospital Permai, Johor Bahru.

DITUDUH TETAK IBU GUNA KAPAK

# Perlu jalani rawatan jiwa selama sebulan

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

**Muar**

"Berapa, satu bulan ke?" Demikian reaksi seorang lelaki yang dituduh membunuh ibunya menggunakan kapak selepas Mahkamah Majistret di sini, semalam memerintahkan dia menjalani rawatan psikiatri selama sebulan di Hospital Permai, Johor Bahru.

Mahkamah mengarahkan tertuduh menjalani rawatan itu selepas pihak pendakwaan memohon mengikut Seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah.

Terdahulu, Lim Seng Chai, 47, mengangguk faham selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Majistret Analia Kamaruddin, bagaimanapun tiada pengakuan direkodkan daripada tertuduh kerana kes di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mengikut kertas pertuduhan, dia didakwa membunuh ibunya, Tan Choo Gek, 73, menggunakan kapak di alamat No 28, Taman Temiang Utama antara jam 7 hingga 8.20 malam, 18 Jun lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh yang dikenakan hukuman mati.

Ibu tertuduh yang juga warga emas ditemukan mati dengan berlumuran darah disyaki ditetak oleh anak lelakinya menggunakan kapak di ruang tamu rumahnya.

Kejadian berlaku disebabkan mangsa memarahi anaknya kerana membuat bising sebelum bertindak mengambil senjata tajam itu lalu menetak berkali-kali di kepala ibunya.

Siasatan polis juga mendapati tertuduh memiliki rekod lampau rawatan psikiatrik, ditahan pada hari kejadian bagi membantu siasatan.

Polis turut menemui senjata iaitu kapak dan pisau yang disyaki digunakan tertuduh dalam kejadian itu.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Nabihah Mohd Noor manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 27 Julai depan.

**Siasatan mendapati tertuduh miliki rekod lampau rawatan psikiatrik**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SUAMI ISTERI SIMPAN DADAH RM538,646 DITAHAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 29 JUN 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Suami isteri simpan dadah RM538,646 ditahan

**Ipoh:** Polis menahan sepasang suami isteri dan merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM538,646 dalam serbuan di Jalan Medan Ipoh, dekat sini Isnin lalu.

Ketua Polis Perak Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata lelaki dan wanita berusia 37 dan 39 tahun itu ditahan di rumah sewa mereka pada 7.45 malam.

"Hasil pemeriksaan, polis merampas dadah disyaki jenis ketamin seberat 8.5 gram, lapan pil ekstasi, lima pil erimin 5 serta serbuk dadah dipercayai ekstasi dianggar seberat 22.4 gram," katanya, semalam.

Beliau berkata susulan penahanan mereka, polis menyerbu sebuah rumah yang disyaki digunakan untuk menyimpan dan membungkus dadah di kawasan yang sama, pada 10.25 malam.

Katanya hasil serbuan menemukan dadah jenis ketamin seberat 757 gram, pil ekstasi seberat 1.08 kilogram (kg), pil erimin 5 (4.32kg), serbuk ekstasi (1.02kg) serta 141 peket serbuk minuman disyaki serbuk ekstasi (3.427kg).

Mohd Yusri berkata pihaknya turut menyita sebuah kenderaan jenis Nissan Almera serta merampas wang tunai RM1,200 serta beberapa peralatan yang disyaki digunakan untuk membungkus dadah.

Beliau berkata hasil saringan air kencing mendapati lelaki berkenaan positif dadah jenis ketamin, namun pasangan itu tidak mempunyai rekod jenayah lampau.

"Mereka disyaki terlibat dengan aktiviti mengedar dadah di sekitar negeri ini sejak tiga tahun lalu manakala dadah yang dirampas boleh digunakan seramai 40,000 penagih," katanya dan menambah pasangan itu direman seminggu bermula semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.




MOHD Yusri (dua dari kanan) menunjukkan pelbagai jenis dadah yang dirampas bernilai RM538,646.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN FOUND DEAD WITH INJURIES AND BURNS AT HOME | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 29 JUN 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

SON WITH LEARNING DISABILITY DETAINED

# Man found dead with injuries and burns at home

**BENTONG:** Police discovered the body of a man with multiple injuries and burn marks at his residence in Flat Purnama here on Sunday.

The 64-year-old victim's son who has a learning disability was at the scene when the authorities arrived.

District police chief Superintendent Zaiham Mohd Kahar said they received a report about the discovery of a body at 11am.

"Initial information showed that the man was found lying on the floor of his house, with injuries and burn marks.

Investigations revealed that the victim's wife, 61, and another son, 28, had gone to Kuala Lumpur for treatment at a hospital on June 19.

"The victim was at home with their youngest son, 22, who has a learning disability."

Zaiham said the son had been remanded for seven days to assist in the murder investigation under Section 302 of the Penal Code.

"Police are looking into the son's activities while he was in the house prior to the discovery of the body."

The victim's body was sent to Tengku Ampuan Afzan Hospital in Kuantan for a post-mortem.

Police urge those with information related to the case to contact the Bentong district police headquarters at 09-2222222 or go to the nearest police station.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TODDLER AMONG 4 IN FAMILY KILLED IN CAR-TRAILER CRASH | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 29 JUN 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Firefighters working to extricate the victims after the accident on Jalan Titi Karangan-Baling in Kulim on Tuesday.* PIC COURTESY OF THE FIRE DEPARTMENT

**2 SERIOUSLY INJURED**

# Toddler among 4 in family killed in car-trailer crash

**ALOR STAR:** Four family members, including a two-month-old baby, were killed and two others seriously injured when the car they were travelling in collided with a trailer lorry on Jalan Titi Karangan-Baling in Kulim.

Kulim police chief Superintendent Mohd Redzuan Salleh said the car was driven by a 32-year-old man who was heading home to Baling from Kulim with his family when the accident happened.

"The driver, his 30-year-old wife, their 2-month-old daughter and the driver's 59-year-old mother-in-law died on the spot.

"Another daughter, aged 2, and a 14-year-old who is the brother of the man's wife, were seriously injured and admitted to Kulim Hospital," he said in a statement.

He said police were informed of the accident at 4.45pm, and investigations showed that the car had skidded and entered the opposite lane where it was struck by a trailer lorry, driven by a 57-year-old man.

The trailer lorry driver escaped unhurt, he said. **Bernama**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'FLOWER POWER' POTENTIAL UNLEASHED | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 29 JUN 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Flower power' potential unleashed

## PurpleLily provides financial literacy and life skills training to women, girls





**Opportunity for growth:** Participants showing their artwork during an art therapy session. Suraya (left) hopes to secure funding to ensure that PurpleLily continues its work empowering women and girls.







By SHARON LING
sharonling@thestar.com.my


**KUCHING:** Empowering women and girls to thrive and fulfil their potential lies at the heart of PurpleLily's work.

The Kuching-based non-profit organisation provides training in financial literacy and life skills, focusing on women and girls from rural areas and the B40 group.

"Working women have the opportunity to learn to grow in soft skills.

"But B40 and rural women, especially housewives, don't have that kind of opportunity. So we teach them soft skills that are beneficial to them like financial literacy," said PurpleLily chairman Suraya Bujang in an interview.

Suraya said financial literacy is important as financial problems are one cause of family break-ups.

"When we conducted financial literacy programmes, we noticed that the participants lacked confidence to speak up.

"So we imparted self-confidence and communication skills as part of the training," she said.

When PurpleLily asked women in rural areas what workshops they would like, the answer was stress management and motivation.

"We come up with modules based on feedback from our participants," she added.

Similarly, Suraya said school students attending PurpleLily workshops in 2017 started asking questions about reproductive health.

As a result, PurpleLily started a new programme on sexual awareness as a safe space for girls to ask questions on the topic.

This workshop is included in the girls camp conducted by PurpleLily for girls aged 15 to 19.

Suraya said the most recent girls camp was held in Kuching last December and the next one is scheduled for Sibu in August, both sponsored by Mitsubishi Corporation.

"It's a three-day, two-night programme to build self-confidence, communication skills and sexual awareness, as well as team-building and outdoor activities.

"We have younger and older participants wanting to take part, so we also accept those who are 14 or 20 years old," she said.

In addition, Suraya said PurpleLily held women empowerment programmes this year with funding from Axiata Foundation.

"This is for B40 women, aged 20 to 45, but as usual, there are women exceeding the age limit interested to join.

"Three programmes on financial literacy, health and mental well-being were conducted in January, February and March.

"We are also trying to secure more funding to continue these programmes as we would like to hold them in other parts of Sarawak besides Kuching," she said.

Suraya said PurpleLily's work over the years had benefited the participants in various ways.

"Some women gained the confidence to discuss financial issues with their husbands after attending the workshop. We also met a few who were abused but kept quiet about it. After attending our programme, they realised that there are avenues for them to reach out and get help.

"This is because in our workshops, we promote other NGOs such as the Sarawak Women for Women Society and Befrienders," she said.

Suraya said hearing these testimonials from participants motivated the PurpleLily team to work even harder.

"Our programmes also encourage women to take part in community work and initiate networking among themselves," she said.

"Through the training and support, PurpleLily is building skills and confidence in women and girls to have a brighter future."

TAJUK : 'NO ONE WAS KIDNAPPED IN VIRAL VIDEO'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 29 JUN 2023

M/SURAT : 12

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# 'No one was kidnapped in viral video'

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

**BUTTERWORTH:** The footage in a viral video of a woman trying to stop a luxury multi-purpose vehicle from "driving off" with her husband inside actually took place over a private matter, say police.

South Seberang Prai OCPD Supt Ng Ah Thiam clarified that it was not a kidnapping attempt but a private issue.

"A few men had gone to see the man who owed them money.

"They took him into their MPV for a discussion.

"When he entered the car, the doors locked. Seeing this, the wife thought it was a kidnapping.

"So, there was a commotion to stop the car but the men had no intention of kidnapping the woman's husband.

"The husband and the others then got out of the vehicle," he said.

While the wife had lodged a police report, she withdrew it the next day, according to Supt Ng.

"He owed them money and they have apparently settled the issue. The investigating officer took their statements to make sure," he said.

During a 29-second video of the incident that was said to have happened on Monday, the wife was seen blocking the MPV with her bare hands and screaming.

The incident was said to have happened at a village in Nibong Tebal.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CHILDMINDER FINED RM20,000 FOR ABUSING GIRL | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 29 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Childminder fined RM20,000 for abusing girl

**KOTA KINABALU:** A woman was fined RM20,000 in default three months' jail after she was found guilty of abusing a six-year-old girl under her care.

Sessions Court judge Noor Hafizah Mohd Salim also ordered Sabarria Sazali, 31, to be put on a good behaviour bond for two years as well as to perform 50 hours of community service within six months.

The court delivered the verdict here yesterday after finding the prosecution had proven its case.

Sabarria was accused of causing physical and emotional injury to the child between March 2019 and Feb 27, 2020 at a house in Tuaran district, about 40km from the state capital.

According to the charge sheet, Sabarria was a person entrusted with the duty of taking care of the child.

She was charged under Section 31(1)(a) of the Child Act 2001, which provides for a maximum 20-year jail term, a fine of up to RM50,000 or both, upon conviction.

Sabarria was the sole witness for the defence while seven witnesses were called by the prosecution during the trial.

Lawyer Adelia Adnan sought leniency for her client, saying that Sabarria was, among others, a first-time offender besides having expressed remorse.

The court was also told that Sabarria had to look after her uncle, who is disabled, and her grandmother.

Deputy public prosecutor Dacia Jane Romanus urged the court to impose a deterrent sentence, considering that the case was of public interest and involved a minor.

It is learnt that Sabarria failed to pay the fine.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | COUPLE ARRESTED WITH DRUGS WORTH OVER HALF A MILLION RINGGIT | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 29 JUN 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Couple arrested with drugs worth over half a million ringgit

By **IVAN LOH**
ivanloh@thestar.com.my

**IPOH:** A married couple has been arrested and over half a million ringgit worth of drugs seized from two houses on Jalan Medan Ipoh here.

Perak police chief Datuk Seri Comm Mohd Yusri Hassan Basri said the couple, aged 39 and 37, was arrested at the first location at about 7.45pm on Monday.

"We seized various drugs, including 8.5g of ketamine, eight ecstasy pills (3.3g), five erimin 5 pills (1.35g) and ecstasy powder (22.4g), during the arrest.

"At 10.25pm on the same day, we raided another house, which we found to have been used as a storage and packaging centre," he said in a press conference at the state police contingent headquarters here yesterday.

"We found and seized 757g of ketamine, 2,765 ecstasy pills (1,088g), 15,250 erimin 5 pills (4,330g), ecstasy powder (1,020g) and 141 packets of ecstasy powder weighing 3,427g," he said, adding that the drugs seized were worth about RM538,846.

"We also seized equipment used to pack the drugs, a car and RM1,200," he added.

Comm Mohd Yusri said one of the suspects tested positive for ketamine.

"Both are unemployed, do not have previous criminal records, and have been actively distributing drugs since early 2021," he said, adding that the woman was a Chinese national.

"The drugs are believed to be distributed to the local market in the state and could be potentially used by about 40,000 people," he added.

He said both suspects would be remanded for seven days from June 27 to July 3 to facilitate investigations under Section 39B of the Dangerous Drugs Act.

"We believe both suspects were only packing the drugs and they were getting their supply from a source in the southern region of the country," he said.

"We continue to urge the people to forward information related to drugs to us so that we can take action and ensure the state is drug-free," he added.

TAJUK : MUM AND DAUGHTER FREED OF DRUG TRAFFICKING CHARGES

| | | | |
|---|---|---|---|
| HARI : | KHAMIS | AKHBAR : | THE STAR |
| TARIKH : | 29 JUN 2023 | M/SURAT : | 03 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Mum and daughter freed of drug trafficking charges

**MELAKA:** A mother and her daughter can now look forward to a joyful "Festa San Pedro" at the Portuguese Settlement here after they were discharged and acquitted by the High Court for drug trafficking.

Sharon Farnell, 52, and Theresa Kennedy, 26, cried tears of happiness and hugged their family members when Justice Mohd Radzi Abdul Hamid freed them yesterday.

The celebration to commemorate the Feast of St Peter, the patron saint of fishermen, will be held today.

Earlier, when reading out his judgment, the judge ruled that the prosecution had failed to prove a prima facie case against the duo.

The prosecution, said Justice Mohd Radzi, had failed to prove the utmost important point that others had no access to the shop where the drugs were purportedly discovered and seized on April 24, 2019, and the contradictions in the statements by eight prosecution witnesses during the trial.

Farnell and Kennedy were accused of trafficking 280.7g of cannabis at De Reggae Cafe and Craft in Jalan Laksamana here on April 24, 2019.

They were charged under Section 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952, which carries the mandatory death penalty or lifelong prison sentence or 15 strokes of the rotan upon conviction.

Their lawyer Haresh Mahadevan, when met outside the court, said the elated mother and daughter would look forward to celebrating the Feast of St Peter.



**Tears of joy:** Farnell (in red) and Kennedy hugging a family member outside the High Court while their counsel Haresh (in black suit) looks on.